



PELAN ANTIRASUAH

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

*Organisational Anti-Corruption
Plan (OACP)*

2020-2024





PELAN ANTIRASUAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

*Organisational Anti-Corruption
Plan (OACP)*

2020-2024



Diterbitkan oleh:
Unit Integriti,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA
EDISI KEDUA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitanian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.



**“Kejayaan Jabatan adalah
tanpa amalan rasuah,
penyelewengan dan
salah guna kuasa di semua
peringkat warga JBPM”**

YAS Dato' Sri Mohammad Hamdan bin Hj Wahid
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA



FUNGSI

Fungsi-fungsi yang dijalankan oleh jabatan mengikut peruntukan di bawah seksyen 5(1) & (2) di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) seperti berikut :

1. Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran.
2. Melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran.
3. Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan dan pengawalseliaan yang sempurna.
4. Menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal kebakaran.
5. Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

JBPM boleh selain daripada tugas-tugasnya di bawah subseksyen (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebaliknya yang diadakan oleh menteri untuk dilaksanakan.



AMANAT

YAS DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID

KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrohim..

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra dan Salam Integriti

Alhamdulillah, bersyukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JBPM 2020-2024. Dokumen ini telah kita bangunkan bersama sebagai panduan dan penunjuk arah kepada warga kerja dan pelanggan Jabatan dalam mendukung usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah agar setiap aktiviti dan program penyampaian fungsi JBPM sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan, sekaligus menyumbang kepada kejayaan aspirasi nasional **"Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah"**.

Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019, secara khusus telah meletakkan tanggungjawab besar kepada Ketua Jabatan untuk mendukung hasrat kerajaan bagi mewujudkan negara bebas rasuah, bermakna ia adalah sesuatu yang benar-benar penting dan perlu menjadi keutamaan untuk disegerakan. Maka, saya dengan hati yang terbuka menyambut amanah ini untuk dilaksanakan sebaik mungkin, khususnya di peringkat JBPM.

Antara peranan dan tanggungjawab saya dalam pelaksanaan NACP di peringkat Jabatan dan nasional ialah menjadi peneraju kepada setiap inisiatif yang berkaitan dengan portfolio dan bidang kuasa Jabatan, memastikan Pengarah Bahagian melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan lancar, mengemukakan cadangan atau syor penambahbaikan supaya inisiatif NACP sedia ada sentiasa sesuai dengan keperluan semasa, menjadi role model serta menyebarkan inisiatif dan usaha pencegahan yang telah dan akan dilaksanakan selain memastikan pelaksanaan berterusan dan mampan dalam apa jua keadaan.

Oleh itu, saya menyeru kepada diri saya sendiri, seluruh warga JBPM serta pemegang taruh dan semua rakyat agar kita dapat menggembeleng tenaga dan usaha ke arah satu suasana penyampaian fungsi JBPM yang lebih berintegriti, bertanggungjawab, telus serta diyakini oleh semua.


Sesungguhnya matlamat ini tidak akan tercapai tanpa sokongan padu dan usaha keras kita semua. Maka marilah kita sama-sama menjiwai, menekuni dan melaksanakan setiap inisiatif ini dengan penuh keikhlasan serta penghayatan supaya matlamat utama penggubalan dokumen ini dapat dicapai dan membawa impak maksima seperti yang dihasratkan.

Sekian, wassalam.

YAS DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID



CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



PENYATAAN KOMITMEN



YAS DATO' ABDUL WAHAB BIN MAT YASIN
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



YAS DATO' HJ SOIMAN BIN HJ JAHID
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JBPM 2020-2024 merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen Jabatan ini untuk membanteras gejala rasuah dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan.

Pelan tindakan pengurusan strategik antirasuah ini dibangunkan adalah selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang menyatakan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi bagi sektor awam.

Kerangka dasar dan strategi OACP ini terhasil daripada sesi perbincangan dan bengkel pembangunan yang dijalankan bersama pegawai-pegawai kanan daripada semua Bahagian dalam Jabatan ini dengan bantuan daripada pegawai-pegawai Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang sangat komited bagi memastikan pembangunan OACP ini dapat direalisasikan.

OACP ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, governans dan antirasuah yang harus ditangani. Selain NACP yang juga merupakan rujukan utama dalam pembangunan pelan ini, beberapa cadangan daripada beberapa inisiatif sedia ada yang telah diperakui keberkesanan pelaksanaannya turut diambil kira.

Bagi memastikan kejayaan OACP ini, kami selaku tunjang utama Jabatan ini komited dan bertekad akan memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga JBPM dengan telus, penuh bertanggungjawab dan integriti.

Semoga dengan langkah ini, keyakinan rakyat akan meningkat terhadap perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan. Kami dengan ikhlas berharap supaya OACP ini dapat menjadi panduan bagi semua warga JBPM khususnya dan sekaligus membantu mencapai visi negara bebas rasuah menjelang tahun 2023.

...”kami selaku tunjang utama Jabatan ini komited dan bertekad akan memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga JBPM dengan telus, penuh bertanggungjawab dan integriti”



SEKAPUR SIRIH KETUA UNIT INTEGRITI

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Integriti,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JBPM 2020-2024 sebagai garis panduan dalam memelihara integriti dan menambahbaik sistem pengurusan antirasuah di JBPM.



Governans yang cekap merupakan elemen yang penting kepada Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik dan berintegriti. Aspek integriti tidak hanya memfokuskan kepada isu-isu rasuah, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Budaya kerja yang cemerlang berkait rapat dengan integriti dan akauntabiliti. Sebagai contohnya kejujuran, keikhlasan, ketepatan masa, penyampaian maklumat, perkhidmatan, kerahsiaan maklumat, menepati janji serta pergaulan antara rakan sekerja dan banyak lagi.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada YAS Ketua Pengarah JBPM dan Pengurusan Tertinggi JBPM atas nasihat, idea dan komitmen yang diberikan dalam melengkapkan buku Pelan Antirasuah ini. Ribuan terima kasih dan tahniah kepada urusetia dan pasukan editor yang bertungkus lumus dalam menyiapkan pelan Anti Rasuah ini.

Akhir kalam, marilah kita bersama-sama kuatkan tekad dan semangat dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan berintegriti.

Wabillahi taufiq wal hidayah.

PPjB MORNI BIN MAMAT
Ketua Unit Integriti
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

“The **truth** is **truth**,
even if no one believes it.
A **lie** is a **lie**,
even if everyone believes it.”



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2020-2024 ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Justeru OACP sebagai dokumen utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah telah dihasilkan.

Visi OACP adalah untuk Melahirkan Warga Jabatan Yang Bebas Rasuah, Penyelewengan dan Salah guna kuasa melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan akauntabiliti dan kreadibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Bab 1 Merangkumi latar belakang Kementerian dan beberapa usaha yang telah diambil melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pengurusan tertinggi, OACP telah digubal untuk memberikan fokus dan hala tuju yang lebih jelas kepada Kementerian untuk memerangi rasuah.

Bab 2 Menfokuskan kepada persekitaran rasuah yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Bengkel pembangunan OACP telah dilaksanakan yang mana melibatkan keseluruhan Bahagian dan JBPM Negeri serta Akademi di bawah Jabatan di terajui oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dalam memberi panduan dan halatuju pembangunan pelan ini. Sebanyak empat strategi yang telah digariskan dalam OACP ini.

Bab 3 Menghuraikan empat bidang keutamaan iaitu Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Penguatkuasaan Undang-undang dan Tadbir Urus Korporat. Daripada empat bidang keutamaan ini, empat strategi telah dikenal pasti iaitu Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam, Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam, dan Memupuk Tadbir Urus yang Baik dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Strategi ini seterusnya menjurus kepada 11 objektif strategik yang merangkumi 171 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Bab 4 Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Bahagian dan Agensi peneraju agar selari dengan kerangka pelaksanaan OACP Kementerian.

Selain itu mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif OACP supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang dihasratkan. Justeru, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam merealisasikan Visi dan Misi OACP Jabatan.



Kandungan

BAB 1 PENGENALAN

Latar Belakang 14

Isu Dan Cabaran 18

Penilaian Risiko 20

Bidang-Bidang Berisiko 20

Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 21

Bengkel Pembangunan OACP 22

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) 23

Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan 25

Senario Antirasuah Tahun 2030 27

Matrik Senario: Senario Antirasuah 2030 29

Gambaran Umum Dan Matlamat Kebimbangan Bersama 31

Peluang Yang Ada 32

Risiko Yang Terungkai 33

Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian 33

Keperluan Kepada Kerangka Jabatan 35

Kerangka OACP Jabatan 36

Mengenai Kerangka Pelan 37

Analisa Ke Atas Data Tatatertib JBPM 37

Analisis Ke Atas Rasuah Di JBPM 39

Analisis Kuadran 40

Keutamaan Strategi: Penekanan 13 Inisiatif 41

Strategi 1-4 44

Prinsip Pengurusan Antirasuah 60

Mekanisme Pelaksanaan 61

Kerangka Pelaksanaan OACP 62

Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan & Penilaian 62

Kesimpulan 64

Penghargaan 65

Pasukan Editor 66

Glosari 67

BAB 2 SENARIO MASA HADAPAN

BAB 3 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH NASIONAL

BAB 4 TADBIR URUS

BAB 5 KESIMPULAN

BAB 1

PENGENALAN



PELAN ANTIRASUAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)



LATAR BELAKANG

Sejarah perkhidmatan kebombaam adalah seiring dengan kewujudan dan perkembangan perkhidmatan polis di Tanah Melayu. Sejarah awal menunjukkan pasukan bomba adalah terdiri daripada pasukan polis sukarela yang dilantik oleh penjajah British ketika itu. Seawal tahun 1787, proses kewujudan perkhidmatan kebombaam telah dapat dikesan menerusi beberapa kejadian rusuhan di Pulau Pinang. Francis Light yang merupakan Gabenor pada ketika itu telah menubuhkan pasukan polis terdiri daripada ketua-ketua kaum Melayu, Cina dan India pada akhir tahun 1792 selepas cadangannya tidak diendahkan oleh Lord Cornwallis, Governor General East India Company.

Perkhidmatan bomba terus berkembang di bawah pentadbiran pasukan polis sebelum diambil alih oleh kerajaan negeri dan diletakkan di bawah Majlis Perbandaran. Balai bomba yang pertama telah ditubuhkan di Pulau Pinang iaitu Balai Bomba Lebuh Pantai yang dikenali sebagai Central Fire Station pada tahun 1908. Evolusi perkhidmatan kebombaam berkembang seiring dengan perubahan sosio-politik negara. Selepas kemerdekaan tahun 1957, perkhidmatan kebombaam masih diletakkan di bawah bidang kuasa tempatan dan kerajaan negeri.



Penyatuan perkhidmatan kebombaam di bawah Kerajaan Persekutuan telah dibuat pada 1 Januari 1976 dengan Jabatan Kerajaan Tempatan dan Perumahan sebagai Jabatan yang bertanggungjawab di atas perkhidmatan tersebut. Penyatuan perkhidmatan melibatkan 3 fasa dan keseluruhan penyatuan lengkap apabila Sabah dan Sarawak menyertai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia pada 15 Mei 1981.


Pada 8 Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menukar nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis pelancaran dan pengumuman penukaran nama tersebut telah dilakukan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Genting Highlands pada 21 Februari 1997.

1.1 FUNGSI, PERANAN DAN PUNCA KUASA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) mempunyai objektif untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan. Dari segi kualiti Jabatan bertekad untuk lebih cemerlang melalui inovasi dan kualiti M.S ISO 9001-2015.

Untuk memenuhi objektif tersebut antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh jabatan mengikut peruntukkan dibawah seksyen 5(1) & (2) di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) seperti berikut :





JBPM boleh selain daripada tugas-tugasnya dibawah subseksyen (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebaliknya yang diadakan oleh menteri untuk dilaksanakan.




1.2 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang pertama yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah membuat keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integrity dan tadbir urus dalam JBPM bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Bagi mencapai hasrat murni tersebut, segala bentuk usaha pencegahan rasuah sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional (PIN), Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan sebagainya akan diambil kira, ditambah baik, dikaji dan diolah semula berdasarkan kerangka NACP yang lebih komprehensif dan lebih praktikal. Pelan ini juga perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang lebih baik manakala system arahan pelaksanaan dan pelaporannya juga perlu lebih jelas.

Situasi ini secara tidak langsung akan mendorong setiap peringkat warga Jabatan untuk turut sama terlibat bagi menjayakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JBPM ini.



1.3 PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

Pada 23 April 2004, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan objektif khusus bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama daripada pelbagai sektor lapisan masyarakat terhadap integriti. Agenda ini bertujuan menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat, memperkukuhkan asas moral masyarakat dan negara di samping meningkatkan daya saing dan daya tahan Negara dalam usaha menangani cabaran globalisasi. Fasa pertama PIN adalah untuk :

- 1 Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan secara berkesan;
- 2 Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi keneham birokrasi dan penyelewangan;
- 3 Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- 4 Memantapkan institusi keluarga dan;
- 5 Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat

Lima sasaran keutamaan ini menjadi agenda Kerajaan ke arah membudayakan integriti masyarakat.



1.4 PELAN INTEGRITI BOMBA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah agensi penyelamat utama dalam memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan telahpun menerbitkan buku Pelan Integriti JBPM pada tahun 2009. Dalam usaha memantapkan lagi Pelan Integriti JBPM dan memastikan ianya selari dengan gelombang transformasi global, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia meneruskan usaha ini dengan menyemak semula pelan tindakan sedia ada supaya ia menjadi lebih komprehensif maka Pelan Integriti Bomba bagi Tahun 2016 - 2018 telah dapat direalisasikan yang dilancarkan pada 29 Januari 2016.




1.4.1 PENDEKATAN

Sasaran dan strategi yang digariskan dalam Pelan Integriti Bomba menggunakan lapan (8) pendekatan seperti yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah:



1.4.2 SASARAN PELAN INTEGRITI BOMBA 2016-2018

Pelan Tindakan di dalam Pelan Integriti Bomba 2016-2018 mempunyai 6 sasaran utama yang telah ditetapkan seperti di bawah:






1.5 ISU DAN CABARAN DALAM MENANGANI RASUAH

Kajian antarabangsa seperti Barometer Rasuah Global dan Indeks Persepsi Rasuah menunjukkan sejumlah besar rakyat tidak percaya bahawa masalah rasuah telah bertambah baik di negara ini. Keputusan tinjauan menunjukkan proses transformasi perlu diperkasakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu ini di semua peringkat terutama pada tahap formatif.


Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di Malaysia mencatatkan purata skor 49.61 antara tahun 1995 hingga 2017. Malaysia mencapai rekod skor tertinggi 53.20 pada tahun 1996 dan rekod skor terendah 43 pada tahun 2011. Lebih mendukacitakan skor Malaysia menurun setiap tahun mulai tahun 2014 daripada skor 52 kepada skor 47 pada tahun 2018. Kedudukan Malaysia turun 7 tangga pada tahun 2017 ke kedudukan 62 berbanding pada tahun 2016 pada tangga ke 55.



Senario ini sedikit sebanyak memberi impak kepada JBPM sebagai jabatan yang dekat dengan rakyat dan dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan kebombaam dan penyelamatan kepada rakyat. Sekiranya amalan rasuah berleluasa, gejala ini sudah pasti akan membawa pelbagai impak negatif seperti penindasan di kalangan masyarakat, kerosakan dan ancaman kepada negara, serta menggugat keharmonian dan keamanan. Amalan rasuah bukan sahaja mencemari imej jabatan, tetapi juga memberi kesan kepada negara malah imej pihak yang terlibat di samping menggugat kualiti kerja. Oleh itu rasuah perlu ditangani bagi memperkasakan identiti dan persepsi rakyat terhadap jabatan.

PUNCA UTAMA RASUAH

Berdasarkan analisis terhadap lebih daripada 20,000 maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak tahun 2013 hingga 2018



LAIN-LAIN

3.35%

Kurang sokongan & kesedaran tentang rasuah

1.21%

Kerena birokrasi

0.24%

Kurang Pengesanan awal rasuah

0.12%

Kurang usaha mencegah rasuah

0.12%

Kelemahan Penguatkuasaan Undang-undang



**1.6 ANTARA ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH JBPM
 DALAM MEMERANGI RASUAH IALAH:**

<p>KURANG PENGHAYATAN OLEH PIHAK LUAR TERHADAP AMALAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH</p>	<p>Maklumat yang ada menunjukkan kurangnya penghayatan nilai integriti dan antirasuah dalam kalangan pihak luar yang berurusan dengan pihak jabatan turut menyumbang kepada statistik rasuah di JBPM.</p>
<p>PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN YANG KURANG BERKESAN</p>	<p>Pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan semua proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun pelaksanaan aktiviti ini tidak seperti yang diharapkan di mana sering berlaku kekurangan keupayaan untuk memantau, mengaudit dan mengkaji semula operasi. Kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan menjadi faktor kurang keberkesanan usaha pemantauan dan penguatkuasaan.</p>
<p>CAMPUR TANGAN DALAM PENTADBIRAN KEWANGAN</p>	<p>Karenah birokrasi biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan kewangan dan perolehan. Pihak yang mencampuri urusan pentadbiran kewangan adalah untuk kepentingan peribadi.</p>
<p>PERSPEKTIF NEGATIF DARIPADA ORANG AWAM</p>	<p>Gejala rasuah sekiranya tidak di bendung akan menggambarkan imej negatif terhadap Kementerian sekaligus memberi perspektif yang kurang baik kepada orang awam.</p>
<p>HUKUMAN YANG KURANG TEGAS DAN TIDAK KONSISTEN</p>	<p>Hukuman yang dikenakan kepada pegawai yang didapati bersalah adalah kurang tegas dan konsisten berdasarkan faktor kekurangan pembuktian dan pengaruh pihak berkepentingan. Akibatnya, persepsi pegawai terhadap tindakan atau hukuman yang dikenakan tidak memberi kesan dalam membendung kesalahan tatakelakuan dan rasuah.</p>
<p>PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG TERHAD DALAM MEMERANGI RASUAH</p>	<p>Keterbatasan penggunaan teknologi dalam menangani rasuah perlu diberi perhatian oleh jabatan. Ini adalah bagi memastikan isu keperluan strategik teknologi diberi penekanan untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan; khususnya dalam bidang penguatkuasaan, perolehan, keselamatan kebakaran, perlesenan dan perkhidmatan. Penggunaan teknologi moden penting untuk membendung rasuah di peringkat awal memandangkan teknologi menjadi sebahagian daripada ekosistem, keupayaan dan kemahiran kumpulan rakyat. Namun, dengan peningkatan medium perhubungan, risiko baru akan muncul sama ada dari dalam atau luar seperti ancaman siber.</p>

1.7 PENILAIAN RISIKO

Data Risiko Rasuah diperolehi semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang telah diadakan pada 2-4 Oktober 2018 bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bandar Baru Bangi, Selangor. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Integriti bagi memenuhi keperluan pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah diadakan bagi mengenalpasti ruang dan peluang berlakunya salah laku dan jenayah rasuah dalam Jabatan.

Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh PKPj Salwa binti Hj. Muharam Ketua Cawangan Anti Corruption & Ethics Centre (ACE), Bahagian Pemeriksaan & Perundangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta dua orang fasilitator. Peserta bengkel adalah melibatkan Pengarah Bahagian, Ketua Cawangan, Ketua Seksyen, Penolong-Penolong Pengarah Bahagian, pegawai-pegawai kanan Jabatan yang mewakili Bahagian-Bahagian serta dari beberapa buah negeri dalam usaha mencambahkan idea untuk menyediakan satu Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan.

Selain itu, data daripada agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Laporan Ketua Audit Negara daripada Jabatan Audit Negara dan data aduan awam dari Biro Pengaduan Awam juga turut digunakan sebagai input untuk menilai risiko.

Hasil analisa data-data di atas, beberapa bahagian atau cawangan yang cenderung kepada rasuah dan masalah pelanggaran integriti yang dikenalpasti di dalam Jabatan adalah:



1.8 BIDANG-BIDANG BERISIKO

1.8.1. PEROLEHAN AWAM

Perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan dan perusahaan milik awam. Memandangkan perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang Kerajaan, Jabatan perlu mengoptimumkan penggunaannya bagi memastikan kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang paling terdedah kepada penyelewengan, salah guna kuasa dan jenayah rasuah.

1.8.2. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Jabatan komited dalam menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 di bawah peruntukan perakuan bomba dan penghapusan bahaya kebakaran bagi memastikan tiada pelanggaran akta untuk keselamatan bersama. Aktiviti penguatkuasaan dilihat lebih terdedah dengan ruang dan peluang kepada salah laku dan gejala rasuah. Prosedur Kerja Penguatkuasaan harus dikaji semula bagi mewujudkan mekanisme baru dalam menjalankan tugas penguatkuasaan.



1.8.3. TADBIR URUS SEKTOR AWAM

Penyampaian perkhidmatan awam adalah faktor penting yang mencerminkan imej Jabatan. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras Jabatan untuk memberi Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat. Pendekatan yang lebih sistematik dalam menguruskan kecekapan sektor awam akan meningkatkan keberkesanan pentadbiran.

1.8.4. TADBIR URUS BAIK

Tadbirurusbaikmerujukkepadapengamalan sistem peraturan dan proses sesebuah organisasi diteraju dan dikawal. Selaras dengan itu, Jabatan komited menjadikan Jabatan ini lebih bertanggungjawab kepada pemegang taruh dan beroperasi demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya



**BENGGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)
2-4 Oktober 2018**





**BENGGEL PEMBANGUNAN
PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JBPM 2019-2023
10-12 SEPTEMBER 2019**





IKRAR BEBAS RASUAH



Majlis Menandatangani TINTA INTEGRITI sempena program Bicara Governans Integriti dan Anti Rasuah (BIGIAR)

BAB 2

SENARIO

MASA HADAPAN



PELAN ANTIRASUAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)



RANTAIAN SEKARANG MENUJU MASA DEPAN

Jabatan sedar akan kesan apabila berlakunya intervensi dalam penggubalan dasar Kerajaan. Perubahan semasa dari konteks sosial dan impaknya dalam menilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih relevan serta kompetitif pada masa hadapan.

Dunia pada tahun 2030 semestinya berbeza dengan keadaan sekarang. Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) mencetuskan trend mega (mega trend) hasil daripada kerancakan kemajuan teknologi disruptif. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah pada tahun 2030, beberapa trend yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada penggubalan suatu kerangka dasar telah dikenalpasti.

TREND DAN IMPAK KEPADA USAHA ANTIRASUAH

Berikut merupakan beberapa trend global semasa yang dikenalpasti bakal memberi kesan besar kepada urus tadbir dan usaha membanteras rasuah:

Pendigitalan (*Digitalisation*)

Pendigitalan secara meluas dalam pemodenan penyampaian perkhidmatan awam telah mengurangkan interaksi bersemuka antara orang awam dan penjawat awam. Penggunaan kad pengenalan elektronik beserta ciri keselamatan biometrik, dan pengagihan khidmat sosial adalah antara contoh bagaimana teknologi menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan dipertanggungjawabkan. Pendigitalan ini membolehkan transaksi yang lebih selamat, koordinasi yang lebih baik, hebahan tentang inisiatif antirasuah menjadi lebih berkesan, serta perkongsian maklumat lebih meluas.

Penyahpusatan (*Decentralisation*)

Kemajuan teknologi turut dapat merapatkan lagi hubungan usahasama antara Kerajaan dan orang awam. Kewujudan proses kebersamaan (co-creation processes) membolehkan Kerajaan selaku penggubal dasar bersama-sama dengan orang awam membentuk prototaip seterusnya memastikan sesuatu dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, penyahpusatan mengurangkan kuasa hegemoni lantaran kuasa teragih kepada rangkaian dan gabungan kecil dalam dunia multipolar.

Autonomi dan saling hubungan-hiper (*Autonomous and Hyper-connected*)

Automasi sesuatu proses dapat menjimatkan kos. Contohnya, penggunaan kecerdasan buatan (artificial intelligence-AI) dalam sesebuah aplikasi atas talian dapat menghubungi terus antara pengeluar dengan pengguna. Kesannya adalah kurangnya keperluan kepada penglibatan manusia dalam proses membuat dasar. Justeru, dalam konteks tadbir urus masa hadapan, kesan daripada salinghubungan-hiper ini bakal menyebabkan pemencilan antara jabatan atau kementerian tidak lagi wujud. Tuntasnya, walaupun negara (state) kekal sebagai entiti dominan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, pendekatan dan penggubalan sesebuah dasar akan berubah kesan daripada jaringan hubungan yang semakin meluas.

Sempadan yang kabur (*Blurring of Boundaries*)

Dalam menangani desakan dan usaha mengurangkan perbelanjaan awam, kerjasama perkongsian sektor awam-swasta (public-private partnerships - PPPs) yang berterusan lama kelamaan akan memberi kesan kepada sektor awam. Kerjasama perkongsian ini awalnya dilihat sebagai cara untuk penjimatan kos pembangunan infrastruktur. Namun, dengan kewujudan dan penglibatan sektor ketiga (keusahawanan) dalam kerjasama ini, Kerajaan perlu lebih terbuka dan tangkas merencana tadbir urus jenteranya ke arah pentadbiran yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Kolaboratif (*Collaborative*)

Platform media sosial haruslah dimanfaatkan penggunaannya untuk menggalakkan interaksi antara Kerajaan dan orang awam dan menggalakkan lebih banyak usahasama. Pengguna media sosial, sama ada pihak Kerajaan mahupun orang awam dapat berkomunikasi dan berkolaborasi secara efektif dalam pelbagai inisiatif. Kesannya, suara orang awam dapat didengari dan diambilkira dalam perancangan pembangunan nasional.

Penyesuaian Mengikut Keperluan (*Customisation*)

Penyesuaian mengikut keperluan dapat direalisasikan dengan penggunaan Analitis Data Raya (Big Data Analytics). Antara kesannya ialah kaedah transaksi dan perolehan yang lebih tepat, keperluan sosial dapat segera dipenuhi, dan penerimaan maklumbalas yang lebih pantas hasil daripada pemprofilan lengkap pemegang taruh dalam sektor tertentu. Seterusnya, strategi dan intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirangka untuk membanteras rasuah.



TEKNOLOGI DALAM INISIATIF ANTIRASUAH

Kecanggihan teknologi membolehkan pelbagai masalah sosial ditangani, termasuklah rasuah. Pada hari ini, pelbagai usaha dan kajian dijalankan oleh banyak pihak, Kerajaan mahupun orang ramai untuk mencari mekanisme terbaik membanteras rasuah dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini. Hal ini termasuklah dalam bidang pengesanan, pencegahan dan analisis. Antara kemajuan teknologi yang dapat membantu usaha pembanteras rasuah adalah seperti berikut:

Cegah Rintang Rasuah

- * Pengaduan melalui sumber khalayak, proses dan mekanisme yang telus serta perkongsian maklumat mampu merencatkan amalan rasuah

Meraih Kepercayaan kepada Institusi

- * Organisasi yang menerapkan penggunaan teknologi terkini dan memastikan jejak audit yang selamat akan lebih dipercayai dan diyakini oleh pelanggan/ pengguna

Perkongsian Maklumat

- * Teknologi bukan sahaja memudahkan capaian maklumat, malah menggalakkan ketelusan dan keterbukaan yang menyumbang kepada lapangan persaingan yang adil dan saksama kepada Kerajaan mahupun pasaran

Pendigitalan Perkhidmatan Awam

- * Pendigitalan perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan karenah birokrasi dan risiko rasuah serta menjimatkan kos

Meskipun begitu, kemajuan teknologi tidak terlepas daripada risiko penyalahgunaan. Ia boleh mengundang kepada rasuah dengan cara baharu sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Contohnya, akses kepada maklumat akan membuka ruang kepada penggodaman data sulit dan peribadi dengan cara yang lebih sofistikated. Akibat daripada kecanggihan teknologi ini, perlakuan rasuah menjadi semakin kompleks dan rumit. Justeru, adalah penting untuk mengambilkira pelbagai langkah untuk menangani pelbagai bentuk perlakuan rasuah yang mungkin berlaku sama ada atas talian mahupun luar talian dalam penyediaan strategi dan inisiatif anti rasuah.



**Data Raya
 (Big Data)**

Data raya boleh diformulasi secara khusus untuk mengesan potensi berlakunya sogokan dan amalan rasuah. Penggunaan analitika data raya mampu mengenalpasti jika berlakunya kegiatan rasuah dalam sesebuah organisasi. Fungsi teknologi ini dapat dioptimumkan lagi dalam membanteras penipuan dan mencegah rasuah dengan penggunaan pemprosesan statistik (statistical processing) dan analitis ramalan (predictive analytics). Gabungan kaedah perlombongan data serta visualisasi data dijangka dapat digunapakai untuk kegiatan pemantauan jika ada berlakunya ketidakjujuran atau rasuah. Keupayaan teknologi data raya serta platform analitis dapat dikembangkan lagi kepada keupayaan analitis ramalan yang bertujuan menggagalkan cubaan sebelum rasuah itu berlaku lagi. Analitis ramalan ini merujuk kepada keadaan di mana data yang berstruktur diteliti dan dianalisis satu persatu sebelum pola lazim dapat diplotkan. Sebarang aktiviti yang mengganggu pola lazim inilah yang akan menjadi petunjuk seterusnya amaran kepada pihak berkuasa tentang kegiatan mencurigakan yang akan/sedang berlaku

**Kecerdasan
 Buatan
 (Artificial
 Intelligence-AI)**

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) membuka peluang kepada pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti penipuan dan rasuah yang rumit seperti sistem perbankan dan perindustrian. AI berupaya menganalisis sifat dan perilaku transaksi secara berterusan dan meneliti sebarang aktiviti yang mencurigakan berpandukan kepada rujukan latar belakang data. Perbezaan utama antara AI dan analitis ramalan adalah AI merupakan platform yang lebih berdaya tahan dengan ciri tambahan yang baharu. Analisis tingkah laku dan pengecaman wajah merupakan dua lapangan baharu yang menjadikan AI sebagai teknologi asas dalam usaha pencegahan rasuah. Pengecaman wajah sesuai digunakan secara meluas untuk memperketat keselamatan transaksi di mana hanya individu tertentu sahaja diberi autoriti untuk mengakses sesuatu maklumat. Seterusnya, pada tahap yang lebih tinggi, analisis tingkahlaku dijangka mampu mentafsir kewujudan aktiviti mencurigakan yang meramalkan keberangkalian berlakunya perbuatan rasuah. Penggunaan teknologi ini pasti mampu mencegah amalan rasuah di peringkat awal lagi.

**Rantaian Blok &
 Teknologi Lejar
 Teragih
 (Blockchain &
 Distributed Ledger
 Technologies (DLT))**

Rantaian Blok berpotensi digunapakai sebagai alat untuk membanteras rasuah dan penipuan apabila ianya diterimapakai secara global. Teknologi ini menitikberatkan kesepakatan pelbagai mekanisma yang terangkai bersama, di mana setiap pihak dalam rantaian tersebut secara konsensus mengesahkan sesuatu transaksi. Ini bermakna rekod lejar setiap aktiviti dalam keseluruhan rantaian transaksi tersebut tidak boleh diubah atau ditiru. Rantaian Blok juga sesuai sebagai mekanisme perakaunan yang akan merekod jejak fizikal dan digital sesuatu transaksi seperti aktiviti sepanjang rantaian bekalan (supply chain), pemindahan data (data transfer), aktiviti kewangan dan lain-lain lagi. Penggunaan Rantaian Blok dalam Kerajaan kini semakin mendapat perhatian, terutamanya di Asia. Antara potensi aplikasi teknologi ini adalah dalam pilihan raya, pendigitalan sistem pengenalan diri serta sistem percukaian.

SENARIO ANTI RASUAH TAHUN 2030



**Senario Kesenambungan
 (Continuation)**



**Senario Kekangan
 (Limit and Disciplined)**




**Senario Perkembangan
 (Growth)**



**Senario Merundum
 (Decline and Collapse)**



Penggunaan perancangan senario penting sebagai:



Senario berikut mewakili masa hadapan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran OACP

Senario Kesenambungan (Continuation)

* Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan OACP tetapi tidakberupaya untuk bertahan atau tidak mapan

Senario Kekangan (Limit and Displined)

* Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam OACP tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran

Senario Perkembangan (Growth)

* Masa hadapan di mana hasil kewujudan OACP telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah Jabatan yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai

Senario Merudum (Decline and Collapse)

* Rasuah menjadi kelaziman dalam warga Jabatan dan Pemegang Taruh sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

Matrik senario berikut mewakili input kolektif yang diperolehi daripada peserta semasa bengkel perancangan senario.

MATRIK SENARIO: SENARIO ANTIRASUAH OACP 2030

SENARIO	TADBIR URUS SEKTOR AWAM	PEROLEHAN AWAM	PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG	TADBIR URUS BAIK
S1 SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)	Kesedaran dan penghayatan meningkat, arahan, SOP dikemaskini; Penggunaan teknologi meningkat semua aspek, namun penyalahgunaan kuasa dan rasuah masih wujud disebabkan konflik kepentingan; Pelaksanaan MyBomba tidak mampu sepenuhnya mencegah berlaku penyelewengan, rasuah dan salahguna kuasa dalam pelaksanaan kerja;	Menerusi kepenggunaan teknologi maklumat sebagai asas pematuhan platform dan mekanisme tadbir urus, pengurusan sistem perolehan awam kerajaan lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat, namun perbuatan keji rasuah masih wujud disebabkan konflik kepentingan. Perbuatan rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal dan terpencil berbanding isu tadbir insan yang merencatkan proses perolehan.	Pelaksanaan pengurusan penguatkuasaan undang-undang masih berlaku namun secara terpilih dan hukuman yang dikenakan oleh insitisi kehakiman tiada ketetapan yang wajar dan konsisten. Masih terdapat kelompok berpengaruh yang mampu untuk melunaskan penalti dan denda untuk melepaskan diri dari hukuman berat manakala yang kurang berkemampuan bakal di menjalani hukuman di pusat koreksional.	Pengimplementasian terhadap sistem tadbir urus berfokuskan kepada menangani masalah pengurusan governan namun transformasi masih gagal berorientasikan kepada manusia beramanah dan beretika tinggi dalam melahirkan keperibadian penjawat awam yang professional.
S2 SENARIO KEKANGAN (LIMITS & DISCIPLINED)	Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada personaliti individu untuk memacu kejayaannya. Namun dalam jangka panjang, rasuah masih berlaku disebabkan usaha yang tidak terangkum; Pemantauan lemah dan tidak sistematik dalam aspek tadbir urus di peringkat atasan disebabkan oleh faktor-faktor luaran.	Pelaksanaan pembangunan dan penggunaan teknologi untuk membanteras rasuah dalam perolehan awam semakin mencabar dengan kepenggunaan sistem teknologi turut meningkatkan ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah, namun kelemahan pemantauan secara berkala membuka ruang dan peluang terhadap penyalahgunaan rasuah dalam urusan kerja harian.	Pelaksanaan Penguatkuasaan dan Undang-undang memperlihatkan inklusiviti, namun keterlibatan pengaruh pihak ketiga dalam pembuatan keputusan penguatkuasaan masih keterlaluan; Kerangka SOP yang komprehensif wujud, tetapi pelaksanaannya kurang berkesan disebabkan pengetahuan dan kemampuan pegawai yang tidak mencapai tahap profesional.	Keberhasilan pelan tindakan inisiatif pencegahan rasuah BOMBA tidak dapat dicapai sepenuhnya disebabkan beberapa cabaran dan kekangan dalaman serta persekitaran dalam organisasi; Pencapaian pelan masih terbantu disebabkan wujud pertikaian dalaman organisasi; Semangat pelaksanaan inisiatif tidak sampai ke akar umbi disebabkan salah guna kuasa masih mencengkam dalam sistem tadbir urus.



<p>S3 SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)</p>	<p>Pelan Tindakan Antirasuah BOMBA, secara signifikan menghasilkan organisasi yang beretika dan berprestasi tinggi; Penghayatan MyBomba mampu menghalang dan mencegah berlakunya rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dengan adanya Garis yang komprehensif; Pengurusan tadbir urus melibatkan penyertaan warga kerjanya, masyarakat menerusi penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta pengamatan ketelusan dalam membuat keputusan.</p>	<p>Keberhasilan Pelan Tindakan Antirasuah BOMBA menghasilkan agensi perkhidmatan kebombaanan yang telus dalam sistem perolehan awam; Aplikasi kerangka tadbir urus kewangan yang lebih kukuh dan pengamalan menghadkan kuasa YB Menteri dan Pegawai kerajaan.</p>	<p>Penguatkuasaan undang-undang pendakwaan dilaksanakan dengan efektif dan berkesan; Pemegang taruh memberikan persepsi kualiti perkhidmatan JBPM adalah ditahap berintegriti dan bersih dari dipengaruhi terutamanya dalam kuatkuasaan undang-undang</p>	<p>Keberhasilan Pelan Tindakan Antirasuah BOMBA menghasilkan Jabatan Kebombaanan yang beretika dan berintegriti tinggi; Penurunan laporan teguran audit dalam dan kes SPRM serta yang lain-lain berkaitan meningkatkan secara tidak langsung meningkatkan kepercayaan dan imej Jabatan.</p>
<p>S4 SENARIO MERUDUM (DECLINE & COLLAPSE)</p>	<p>Pembudayaan dan amalan pengurusan tadbir urus menjadi terpinggir dan semakin diabaikan. Karenah birokrasi serta campurtangan pihak berkepentingan semakin keterlaluan dan melampau dalam penyampaian kualiti Perkhidmatan Awam justeru mempengaruhi pembuatan keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya pelanggaran, ketidakpatuhan, ketiadaan mekanisme kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran yang serius.</p>	<p>Penyelewengan, salahguna kuasa dan kedurjanaan tadbir urus oleh pihak berpengaruh dan berkepentingan yang diselubungi kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan diluar kawalan; Pelanggaran SOP dan TOR dalam perolehan terutamanya kepenggunaan ICT dan saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi sering diperkotak-katikan serta dimanipulasi oleh pihak dalaman.</p>	<p>Pelaksanaan kerangka perundangan dan penguatkuasaan untuk memerangi penyalahgunaan kuasa dan rasuah tidak lagi relevan; Sistem perundangan dan penguatkuasaan masih dibelunggu oleh isu dasar yang berkait dengan sistem kehakiman yang bebas dan adil; Perundangan dan penguatkuasaan masih diabaikan tiada pemantauan tiada penambaan inisiatif.</p>	<p>Penyalahgunaan Kuasa, Penyelewengan dan pelanggaran tadbir urus masih berlaku pada setiap peringkat dalam pengurusan ekosistem bermula di peringkat tertinggi hingga paling bawah dan semakin berakar umbi di kalangan warga BOMBA hingga mengakibatkan kehilangan keyakinan terhadap integriti pentadbiran governan dalam organisasi kenbombaanan Malaysia.</p>



BERDASARKAN SENARIO ANTIRASUAH 2030 YANG DIBANGUNKAN, BERIKUT ADALAH GAMBARAN UMUM MATLAMAT DAN KEBIMBANGAN BERSAMA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen yang utuh, padu dan kebersamaan daripada warga JBPM

Kejayaan dalam pembaharuan governans khususnya berkaitan proses dan struktur



Usaha membanteras rasuah yang mampan dan berterusan

Kerjasama yang lebih erat antara bahagian dan agensi serta penyelarasan yang lebih teratur



Pemeriksaan organisasi serta bebas dalam usaha membanteras rasuah

Pemupukan nilai dan integriti melalui latihan dan kesedaran di pelbagai peringkat



Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah

KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama mencakupi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.

1

Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya

2

Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawalselia

3

Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan

4

Governans baik dipersendakan

5

Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana Governans yang lemah

6

Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama

7

Ancaman terhadap privasi dan hak asasi



PELUANG YANG ADA

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenalpasti melalui senario yang dibangunkan. Berikut adalah peluang yang telah dikenalpasti: (tanpa mengikut keutamaan)

Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah dan Sistem Pengurusan Risiko Rasuah.

Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan nasional telah dilaksanakan.

Reformasi Governans

Dasar dan amalan baik dalam Jabatan menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mampan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap Jabatan.

Penggunaan sistem berasaskan teknologi untuk tujuan analisis perolehan.

Penggunaan teknologi terkini dalam amalan perolehan akan dapat mengoptimalkan proses serta capaian strategik. Penggunaan teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

Penglibatan Semua Pihak

Memaksimumkan penglibatan warga untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan; pengurusan, warga kerja, pelanggan dan pihak berkepentingan.

Penilaian risiko dan profil pada projek bahagian.

Ini meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh organisasi untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku secara dalaman mahupun luaran serta impaknya.

Indeks penilaian integriti

Membangunkan indeks penilaian integriti untuk warga Jabatan dan rakyat serta pemegang taruh dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus

Sistem Advokasi

memupuk governans insan yang dibangunkan melalui Dasar Latihan Sumber Manusia bertunjangkan governans Insan (human governance) dan Program Kepimpinan Berterusan.

RISIKO YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut:

Amalan rasuah di awal perkhidmatan. Amalan rasuah yang terjadi di kalangan warga Jabatan di peringkat awal perkhidmatan menjadi barah dalam Jabatan. Pencegahan awal mampu mengawal fenomena ini.

Data dan maklumat berkaitan perolehan sebagai komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

Kewujudan 'Little Napoleons'. Istilah Little Napoleons tercipta lebih sedekad lalu untuk menggambarkan Warga Jabatan yang kurang membantu, sombong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana Napoleon tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah Jabatan yang telah melalui tranformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalinya.

Peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk. Pengurusan Jabatan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data.

PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan "Duri Dalam Daging" dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar dapat memberi lebih perhatian untuk menghadapinya.

Amalan rasuah oleh orang awam, PSP, SP kontraktor, pembekal serta pelanggan Jabatan sebagai cara mencapai matlamat masing-masing. Ini boleh berlaku akibat kelemahan nilai integriti penguatkuasaan di samping ketirisan dalam penyampaian perkhidmatan. Situasi ini mengakibatkan keputusan yang diambil dalam pentadbiran bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi presedur yang adil.

"Wahyu"

Governans yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, governans yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada "pengaruh wahyu" dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh wahyu, gejala ini akan berterusan.

OACP dilihat hanya sebagai "hangat-hangat tahi ayam".

Kiasan ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah Jabatan.

Jangkaan ancaman terhadap etika, piawaian dan integriti

merujuk kepada ancaman sistemik yang menggugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus perkhidmatan awam.

BAB 3

MEMPERKASAKAN

USAHA

PENCEGAHAN RASUAH



PELAN ANTIRASUAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)



KEPERLUAN KEPADA KERANGKA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak asing lagi bagi semua masyarakat baik di bandar mahupun di desa. Justeru itu bagi memastikan kepercayaan masyarakat tidak pudar atau tidak lagi memperdulikan jabatan, maka adalah penting satu langkah drastik diambil bagi mecegah dan membendung dari gejala rasuah merebak atau bertapak dalam Jabatan.

Ke arah itu, JBPM telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi iaitu melahirkan warga JBPM yang bebas salahlaku dan pelanggaran tatakelakuan ke arah JBPM yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi nasional untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini, JBPM akan mewujudkan dan menzahirkan langkah pencegahan rasuah yang lestari untuk tempoh lima tahun akan datang.


Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA – “Membanteras Rasuah”, dengan NACP yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Di peringkat JBPM, OACP akan memacu ke arah peningkatan ketelusan, dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di JBPM ini. OACP ini juga bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti JBPM sekaligus meningkatkan persepsi rakyat.

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan hasil kajian daripada pelbagai sumber serta Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management). Hasilnya, OACP menggariskan sebuah kerangka yang menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di JBPM.



KERANGKA PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI 2020-2024



VISI

Melahirkan warga jabatan yang bebas rasuah dan salah guna kuasa


MISI

Memperkuuhkan governans, integriti dan antirasuah warga Jabatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa


MATLAMAT

Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan kebomgaan dan penyelamatan

BIDANG KEUTAMAAN



STRATEGI






MENGENAI KERANGKA PELAN

Kerangka ini secara umumnya menggariskan/mengenalpasti misi yang menyumbang kepada keberkesanan usaha pambanterasan rasuah di Jabatan ini dengan memperkukuhkan governans, integriti dan antirasuah warga JBPM melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang dikuatkuasakan

ASPIRASI JABATAN	JABATAN DIKENALI KERANA INTEGRITI DAN BUKANNYA RASUAH
VISI	<p>Melahirkan warga jabatan yang bebas rasuah dan salah guna kuasa</p> <p>Memastikan warga JBPM mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah guna kuasa dan jenayah rasuah serta pelanggaran tatakelakuan seiring dengan etika organisasi</p>
MISI	<p>Memperkukuh governans, integriti dan antirasuah warga Jabatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa</p> <p>Matlamat pelaksanaan governans baik dan warga berintegriti adalah untuk memastikan Jabatan dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti</p>
MATLAMAT	<p>Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan</p> <p>Mendapatkan kerjasama daripada warga JBPM dalam membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas daripada salahlaku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti</p>

ANALISA KE ATAS DATA TATATERTIB JBPM

Pengurusan tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah diurus setiakan oleh Unit Integriti JBPM berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berpandukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



Carta 1:
 Menunjukkan bilangan kes tatatertib yang diselesaikan dari tahun 2014 hingga Oktober 2019.



Berdasarkan carta 1 terdapat jumlah kes tatatertib yang ketara adalah pada tahun 2014 iaitu sebanyak 137 kes. Walau bagaimanapun bermula tahun 2015 hingga kini jumlah kes tatatertib menunjukkan penurunan sebanyak 73%. Purata bagi tempoh 6 tahun adalah sebanyak 95 kes setahun.

Penurunan ini membuktikan peningkatan kesedaran dan keberkesanan pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang telah dikuatkuasakan pada awal tahun 2016 sehinggalah kini. Dengan pengenalan dan penerapan konsep MAHABBAH terhadap warga kerja JBPM, kebanyakan kesalahan-kesalahan yang kecil dapat dibendung dengan tindakan pencegahan seperti yang dinyatakan di dalam SKAI 04 berkaitan Laporan Penyelia mengenai teguran dan hukuman yang diberikan atas kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti dan yang telah diambil tindakan adalah;

BIL	KATEGORI	TAHUN						JUMLAH
		2014	2015	2016	2017	2018	2019	
1	Tidak Hadir Bertugas Dan Dapat Dikesan	67	52	56	23	12	21	231
2	Tidak Hadir Bertugas Dan Tidak Dapat Dikesan	3	4	10	7	4	0	28
3	Dadah (Perakuan Pegawai Perubatan)	2	1	6	3	5	1	18
4	Keluar Negara	0	0	0	3	2	1	6
5	Keterhutangan Kewangan Yang Serius	2	2	0	0	0	2	6
6	Pekerjaan Luar	0	1	0	1	0	1	3
7	Rasuah	0	0	0	0	3	2	5
8	Kenyataan Awam	0	2	1	0	0	0	3
9	Gangguan Seksual	2	0	0	1	0	0	3
10	Kes-Kes Mahkamah	14	26	12	9	4	5	70
11	Pelanggaran Tatakelakuan	47	27	23	59	31	13	200
JUMLAH		137	115	108	110	61	46	573

Jadual 1: Menunjukkan Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Kesalahan Dari tahun 2014 hingga Oktober 2019.

Jadual 1 menunjukkan sebanyak 573 kes tatatertib yang diselesaikan sepanjang tahun 2014 hingga 2019. Kes tidak hadir bertugas dan dapat dikesan meruapakan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 231 (40%) diikuti kes Pelanggaran Tatakelakuan sebanyak 200 kes (35%) dan kes melibatkan kes-kes mahkamah sebanyak 70 kes (13%). Kesalahan pelanggaran tatakelakuan merangkumi pinda/palsu cuti sakit, memalsukan tuntutan, menimbulkan keraguan sebagai penyelarass, bergaduh, salah guna kemudahan pejabat, meninggikan suara kepada pegawai kanan, bankrap, dan kehilangan aset alih/kemalangan/kad inden minyak.




BIL	KATEGORI	TAHUN						JUMLAH
		2014	2015	2016	2017	2018	2019	
1	AMARAN	66	44	39	39	15	9	212
2	DENDA	1	0	0	2	4	1	8
3	LUCUT HAK EMOLUMEN	3	4	1	6	4	2	20
4	TANGGUH PERGERAKAN GAJI	33	24	13	21	10	4	105
5	TURUN GAJI	17	5	1	2	2	5	32
6	TURUN PANGKAT	0	0	0	0	0	0	0
7	BUANG KERJA	33	32	44	21	14	6	150
8	DILEPASKAN	9	14	9	7	12	6	57
9	SURCAJ	3	5	7	23	9	0	47
JUMLAH		165	128	114	121	70	33	631

Jadual 2 menunjukkan jumlah hukuman yang dijatuhkan dari tahun 2014 hingga September 2019

Berdasarkan jadual 2, jumlah hukuman yang dijatuhkan terhadap kes-kes tatatertib sepanjang tahun 2014 hingga 2019 adalah berjumlah 631. Antara hukuman yang paling banyak dikenakan adalah Amaran iaitu sebanyak 212 (34%) diikuti hukuman buang kerja iaitu sebanyak 150 (24%) diikuti tangguh pergerakan gaji sebanyak 105 (17%).

Hukuman yang dikenakan kepada pegawai yang telah melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 adalah sebagai menghukum pelaku dan memberi pengajaran kepada pegawai lain. Hukuman yang diberikan adalah berlandaskan kepada tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai serta bahan bukti yang lengkap.

ANALISA KE ATAS MAKLUMAT RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Graf 1: Menunjukkan aduan yang diterima oleh Unit Integriti bagi tahun 2015 hingga 2019

Berdasarkan graf di atas jumlah aduan yang banyak adalah melibatkan kesalahan salah guna kuasa iaitu berjumlah 23 Kes, diikuti kesalahan rasuah sebanyak 7 kes dan Penyelewengan sebanyak 1 kes. Daripada jumlah aduan tersebut, hanya 4 kes aduan yang dilihat berasas dan telah diambil tindakan tatatertib iaitu melibatkan kesalahan salah guna kuasa.


Punca utama berlakunya kesalahan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah melibatkan JBPM adalah :

- 1) Pegawai kurang berintegriti dalam menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan semasa menjalankan tugas.
- 2) Kadar keterhutangan kewangan yang serius antara punca berlakunya gejala rasuah di kalangan warga JBPM kerana mencari jalan pintas bagi menampung bebanan hutang yang dihadapi dengan menerima rasuah sebagai jalan penyelesaian.
- 3) Kelemahan Prosedur Kerja (SOP) itu sendiri sama ada dari segi penguatkuasaan mahupun pentadbiran sedikit sebanyak membuka ruang dan peluang kepada warga JBPM yang tidak bertanggungjawab terlibat dengan jenayah rasuah.
- 4) Mengamalkan gaya hidup mewah. Sikap warga JBPM mengamalkan gaya hidup mewah turut menjadi punca kepada terjadinya jenayah rasuah, yang mana mereka memerlukan wang lebih bagi menampung gaya hidup, perbelanjaan melebihi pendapatan yang sepatutnya.
- 5) Kurang Pemantauan/penyeliaan daripada pihak pengurusan yang mana tiada mekanisme pemantauan yang jitu terhadap pegawai bawahan semasa menjalankan tugas.

ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 13 inisiatif yang dikenalpasti daripada 171 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 13 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 7 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A- impak tinggi dan Kompleksiti rendah – memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urusmanakala 6 inisiatif keutamaan yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran B (Impak dan Kompleksiti tinggi) memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. Ringkasan 13 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:






KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 13 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan 13 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 171 keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan empat (4) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban, pentadbiran awam, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, dan tadbir urus entiti korporat di Jabatan. 13 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan jangkaan impak yang tinggi untuk menangani rasuah

No	Rujukan Inisiatif	Inisiatif	Kuadran	Kuadran
1	1.1.1.3	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	A	1
2	1.1.1.4	Mewujudkan Jawatankuasa Khas bagi memperhalusi Proses Perolehan Secara Pecah Kecil sekiranya proses tersebut masih diperlukan dalam keadaan tertentu	A	1
3	1.1.3.3	Memperkasakan Mekanisme Sistem Penyenaian Hitam dan Penalti kepada pembekal yang gagal menyiapkan dalam tempoh yang ditetapkan	A	1
4	1.2.3.1	Memperkasakan Mekanisme Pemantauan dan kawalan dalam yang sistematik dan berterusan terhadap setiap pengesahan sebelum kelulusan bayaran dibuat.	A	1
5	1.2.4.2	Memastikan pusingan kerja pegawai dilaksanakan berdasarkan kaedah hot spot, hot job dan hot staff	A	1
6	2.1.1.1	Mengadakan forum/dialog/ceramah berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada semua Pegawai Bomba	A	2
7	2.1.5.1	Mengadakan taklimat kesedaran terhadap Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Akta 711	A	2
8	2.2.2.3	Mengadakan Pemantauan dan kawalan secara berterusan terhadap manipulasi data (ICT)	B	2
9	2.3.3.1	Mengadakan kolaborasi dan kerjasama pintar dengan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS dalam bidang Keselamatan Kebakaran	B	2
10	3.1.2.1	Melaksanakan pemantauan mengenai pengurusan kenderaan kerajaan ke balai-balai secara menjejut.	B	3
11	3.1.6.2	Memastikan pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) secara menyeluruh	B	3
12	4.1.4.1	Memastikan pelantikan pegawai penyiasat bebas dari tindakan tatatertib.	B	4
13	4.2.4.4	Memastikan pembekal yang berkelayakan sahaja dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan peralatan dan jentera	B	4



KOMPLEKSITI: kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif
IMPAK: kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



STRATEGI 1 HINGGA 4



PELAN ANTIRASUAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)



STRATEGI 1

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN & KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

		MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PEROLEHAN AWAM			
OBJEKTIF STRATEGI 1.1		INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA	
1	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & RASUAH Menyalahgunakan kuasa melalui proses pecah kecil dalam perkhidmatan perolehan.	1.1.1.1	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap pelaksanaan kontrak panel untuk perolehan kerajaan	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.1.2	Memastikan pelaksanaan pelantikan kontraktor pembekal mengikut senarai penggiliran	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.1.3	Mengenenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap Tahun
		1.1.1.4	Mewujudkan Jawatankuasa Khas bagi memperhalusi Proses Perolehan Secara Pecah Kecil sekiranya proses tersebut masih diperlukan dalam keadaan tertentu	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
2	Manipulasi dan menyalahgunakan kuasa dalam proses permohonan peruntukan yang diluluskan dengan mencipta keperluan peruntukan yang tidak sepatutnya atau tidak wujud.	1.1.2.1	Menyediakan satu Kerangka Perancangan Perolehan yang lebih fleksibel dan memenuhi keperluan sebenar	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.2.2	Mewajibkan Sistem Penilaian Kerangka peruntukan bagi mengawal keperluan peruntukan dari semasa ke semasa	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
3	Kegagalan dan kelewatan pihak Pembekal yang dilantik dalam melaksanakan penghantaran bekalan yang dipertanggungjawabkan mengikut jadual yang ditetapkan	1.1.3.1	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap mekanisme pemilihan pembekal	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.3.2	Memperkuhkan fungsi dan peranan Terma Rujukan (TOR) bagi Ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Penilaian Prestasi Pembekal bagi mencapai standard yang ditetapkan	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.3.3	Memperkasakan Mekanisme Sistem Penyenaian Hitam dan Penalti kepada pembekal yang gagal menyiapkan dalam tempoh yang ditetapkan	Cawangan Kewangan	Setiap 3 Bulan



4	Penyelewengan dan Menyalahguna Kuasa dalam memberikan kelulusan kepada pembekal yang ada hubungan secara langsung mahupun tidak langsung dengan pegawai.	1.1.4.1	Memperkenalkan Terma Rujukan (TOR) Kerangka Dasar Perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan	Cawangan Kewangan	Setiap 3 Tahun
		1.1.4.2	Memastikan pelaksanaan pusingan kerja secara mandatori	Cawangan Kewangan	Setiap 3 Tahun
		1.1.5.1	Membangunkan modul program berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada pegawai yang bertanggungjawab dalam proses perolehan awam	Unit Integriti	Setiap 6 Bulan
5	Pemalsuan maklumat bagi memenuhi syarat perbandingan harga / kajian pasaran untuk perolehan secara pembelian terus.	1.1.5.2	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap SOP berkaitan urusan perolehan secara pembelian terus	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.5.3	Mewajibkan pematuhan dan pelaksanaan dalam kajian pasaran bagi semua perolehan	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.6.1	Memperkuatkan pelaksanaan Sistem Denda kepada pembekal yang tidak mengikut spesifikasi	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
6	Pemeriksaan yang tidak telus dalam penerimaan barangan atau perkhidmatan dalam proses perolehan	1.1.6.2	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap 3 Bulan
		1.1.6.3	Memastikan semua Pegawai Penerima mematuhi kepada arahan Pengurusan Stor	Cawangan Kewangan Cawangan Logistik	Setiap Tahun
		1.1.6.4	Membuat pemilihan pegawai-pegawai yang menerima barangan / perkhidmatan perlu mengikut kepakaran yang ditetapkan	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
7	Manipulasi dan Menyalahgunakan Peruntukan Penyelenggaraan bagi Jentera, Kenderaan Utiliti dan Peralatan Bermotor	1.1.7.1	Mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Penyelenggaraan Jentera dan Kenderaan Utiliti yang berterusan	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.1.7.2	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap 3 Bulan
8	Penyelewengan dan pengubahsuaian hasil keputusan laporan kemajuan prestasi projek yang tidak menggambarkan prestasi sebenar	1.1.8.1	Memperkasakan pelaksanaan lawatan tapak dan penyediaan laporan prestasi / kemajuan bagi tujuan pemantauan sebenar	Semua Bahagian	Setiap Bulan
		1.1.8.2	Mewajibkan Mekanisme Semakan Pengesanan dilakukan oleh bahagian yang bertanggungjawab ke atas laporan yang dikeluarkan oleh kontraktor	Semua Bahagian	Setiap Bulan
		1.1.8.3	Mengadakan Latihan dan kursus Penyediaan Laporan Prestasi Kemajuan Projek: governans, Integriti dan Antirasuah	Bahagian Latihan	Setiap 6 Bulan

OBJEKTIF STRATEGI 1.2		MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM, PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN & ANTISAINAN			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEPOH MASA	
1	Campurtangan politik atau individu berpengaruh dalam mempengaruhi hasil keputusan pemilihan dan pelantikan Pembekal dan kontraktor tertentu	1.2.1.1	Mengeluarkan surat Arahan Tetap Ketua Pengarah terhadap pegawai perolehan agar tidak dipengaruhi oleh campurtangan ahli politik dan individu berpengaruh dalam urusan perolehan	1. Cawangan Kewangan 2. Bahagian Korporat	Setiap Tahun
		1.2.1.2	Mengeluarkan surat Arahan Tetap Ketua Pengarah terhadap pegawai perolehan agar tidak dipengaruhi oleh campurtangan ahli politik dan individu berpengaruh dalam urusan perolehan	Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.2.2.1	Mengadakan sesi libat urus bersama pembekal dan kontraktor berkaitan kualiti dan spesifikasi teknikal	Unit Integriti	Setiap 6 bulan
		1.2.2.2	Mewajibkan dan Memperkemas sistem pengurusan kawalan dalaman dan pemantauan dari semasa ke semasa (spot check)	Cawangan Kewangan	Setiap 6 bulan
		1.2.2.3	Mewajibkan kepada Pembekal menghadiri Taklimat Perolehan kepada kontraktor / pembekal yang dilantik	Cawangan Kewangan	Setiap 6 bulan
2	Kegagalan dan Penipuan oleh Kontraktor / pembekal dalam membekal peralatan tidak mengikut terma / spesifikasi kualiti teknikal yang ditetapkan.	1.2.3.1	Memperkasakan Mekanisme Pemantauan dan kawalan dalaman yang sistematis dan berterusan terhadap setiap pengesahan sebelum kelulusan bayaran dibuat.	Bahagian Pembangunan	Setiap Tahun
		1.2.3.2	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap 3 bulan
		1.2.3.3	Mewujudkan Jawatankuasa Khas Dalam bagitujuan Menyemak, Memantau dan Meluluskan pengesahan bayaran.	Cawangan Kewangan Bahagian Pengurusan	Setiap Tahun
3	Berkomplot dan menyalahguna kuasa bagi mewujudkan kuasa monopoli dalam pemberian sesuatu projek kepada beberapa syarikat yang dimiliki oleh kontraktor / pembekal yang sama.	1.2.4.1	Mengenakan tindakan undang-undang kepada kontraktor yang bertanggungjawab	Cawangan Kewangan	Setiap 3 bulan
		1.2.4.2	Memastikan pusingan kerja pegawai dilaksanakan berdasarkan kaedah hot spot, hot job dan hot staff	Cawangan Sumber Manusia	Setiap 3 Tahun
		1.2.4.3	Memperkasakan Sistem Rekod Prestasi sejarah kerja terdahulu agar kontraktor / pembekal yang dilantik dalam makluman jawatankuasa pemilihan / lantikan	Cawangan Kewangan	Setiap 6 bulan
		1.2.4.4	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap Tahun
		1.2.4.5	Memperkasakan Latihan Kesedaran Rasuah Dalam Perolehan Awam: governans, Integriti & AntiRasuah.	Unit Integriti	Setiap 6 Bulan



5	Kegagalan dan kelemahan dalam proses pengendalian pengurusan pemantauan projek yang menyebabkan kelewatan dan kegagalan menyiapkan projek.	1.2.5.1	Melantik Pegawai Pemantau bagi memantau Jawatankuasa pemantauan projek peringkat dalam JBPM untuk tujuan penilaian dan pengesahan yang dilaksanakan	1. Bahagian Pembangunan 2. Cawangan Kewangan	Setiap Tahun
		1.2.5.2	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap 3 bulan
		1.2.6.1	Perlantikan jawatankuasa bagi tujuan pemantauan	Bahagian Pembangunan	Setiap Tahun
		1.2.6.2	Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Unit Integriti	Setiap 3 bulan
		1.2.6.3	Mendapatkan pensijilan (Sistem Pengurusan Anti Rasuah) ABMS	Unit Integriti	Dalam tempoh 2 Tahun

STRATEGI 2

MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

OBJEKTIF STRATEGI 2.1		MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENGAMALAN PROFESIONALISME DALAM AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA 2020-2024	
1	Pegawai kurang kompeten dalam urusan : 1. Siji Perakuan Bangunan 2. Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) 3. Surat Sokongan Perlesenan 4. Perakuan Bahan 5. Penyediaan Kertas Siasatan	2.1.1.1	Mengadakan forum/dialog/ceramah berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada semua Pegawai Bomba	Unit Integriti	Setiap tahun
		2.1.1.2	Mengadakan kolaborasi dan kerjasama pintar dengan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS	1. Bahagian Keselamatan Kebakaran 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap tahun
		2.1.1.3	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap prosedur operasi standard (SOP) berkaitan perakuan bangunan, perlesenan, Perakuan Bahan dan Penyediaan Kertas Siasatan	1. Bahagian Keselamatan Kebakaran 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap tahun
		2.1.1.4	Penerbitan buku atau bahan bercetak berkaitan teknikal/perundangan tentang keselamatan kebakaran	1. Bahagian Keselamatan Kebakaran 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap tahun



			Bahagian Latihan	Setiap tahun
2.1.1.5	Mengadakan kajian analisis keperluan latihan (TNA) untuk pegawai di Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK)			
2.1.1.6	Pemilihan dan Penempatan pegawai yang tepat untuk Bahagian Keselamatan Kebakaran		Cawangan Sumber Manusia	Setiap tahun
2.1.2.1	Mengadakan forum/dialog/ceramah berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada semua Pegawai Bomba		1. Bahagian Latihan 2. Unit Integriti	Setiap 6 bulan
2.1.2.2	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam proses merekod dan mendaftarkan kertas siasatan ke mahkamah		Bahagian Keselamatan Kebakaran	Setiap 6 bulan
2.1.2.3	Mengadakan taklimat dan kursus berkaitan proses merekod dan mendaftarkan kes ke mahkamah.		1. Bahagian Latihan, 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap 6 bulan
2.1.2.4	Memastikan pelaksanaan pusingan kerja secara mandatori		Cawangan Sumber Manusia	Setiap 6 bulan
2.1.2.5	Mengadakan kajian analisis keperluan latihan (TNA) untuk pegawai		1. Bahagian Latihan, 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap 6 bulan
2.1.3.1	Mengadakan forum/dialog/ceramah berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada semua Pegawai Bomba		Unit Integriti	Setiap 6 bulan
2.1.3.2	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai pegawai pendakwa dan pegawai penyiasat.		Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap 6 bulan
2.1.3.3	Mendapatkan pensijilan (Sistem Pengurusan Anti Rasuah) ABMS		1. Bahagian Penyiasatan Kebakaran 2. Unit Integriti	Dalam tempoh 2 tahun
2.1.3.4	Mengadakan kajian analisis keperluan latihan (TNA) untuk pegawai		1. Bahagian Latihan, 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Setiap 6 bulan
2.1.3.5	Memastikan pelaksanaan audit bebanan tugas berbanding pegawai.		Cawangan Sumber Manusia	Setiap tahun
2	Kegagalan Pegawai Penyiasat merekod dan mendaftarkan Kertas Siasatan di mahkamah			
3	Kegagalan Pegawai Penyiasat (IO) dan Pegawai Pendakwa(PO) dalam melaksanakan tugas penyiasatan dan pendakwaan			



4	<p>Pegawai salah guna kuasa dan menyelewengkan laporan pemeriksaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kelulusan Perakuan Bangunan 2. Surat Sokongan Perlesenan 3. Laporan Pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) 4. Sijil Perakuan Bomba 5. Sijil Kelulusan Bahan 6. Surat Sokongan G8 dan G9 7. Resit Alat Pemadam Api 	<p>2.1.4.1</p> <p>2.1.4.2</p> <p>2.1.4.3</p> <p>2.1.4.4</p> <p>2.1.4.5</p> <p>2.1.4.6</p> <p>2.1.4.7</p> <p>2.1.4.8</p>	<p>Memastikan pelaksanaan pusingan kerja secara mandatori</p> <p>Mengenenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab</p> <p>Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pegawai yang berurusan secara online</p> <p>Menambahbaik Sistem Maklumat Bersepadu atas talian (maya)</p> <p>Mengadakan forum/dialog/ceramah berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada semua Pegawai Bomba</p> <p>Mengadakan kajian analisis keperluan latihan (TNA) untuk pegawai</p> <p>Mengenenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab</p> <p>Memastikan pelaksanaan pusingan kerja secara mandotori</p>	<p>Cawangan Sumber Manusia</p> <p>Unit Integriti</p> <p>1. Bahagian Keselamatan Kebakaran, 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran</p> <p>1. Bahagian Keselamatan Kebakaran, 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran</p> <p>1. Bahagian Latihan, 2. Unit Integriti</p> <p>1. Bahagian Keselamatan Kebakaran, 2. Bahagian Penyiasatan Kebakaran</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>Setiap 5 tahun</p> <p>Setiap 6 bulan</p> <p>Setiap tahun</p> <p>Setiap 2 Tahun</p> <p>Setiap 6 bulan</p> <p>Setiap tahun</p> <p>Setiap 6 bulan</p> <p>Setiap 6 bulan</p> <p>Setiap tahun</p> <p>Setiap 6 bulan</p>
5	<p>Menyembunyikan faktasemasa pendakwa</p>	<p>2.1.5.1</p> <p>2.1.5.2</p> <p>2.1.5.3</p> <p>2.1.5.4</p>	<p>Mengadakan taklimat kesedaran terhadap Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Akta 711</p> <p>Mengadakan forum/dialog/ceramah berkaitan Governans, Anti Rasuah dan Integriti kepada semua Pegawai Bomba</p> <p>Mengadakan kajian analisis keperluan latihan (TNA) untuk pegawai</p> <p>Mengenenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab</p>	<p>Bahagian Keselamatan Kebakaran</p> <p>1. Bahagian Penyiasatan Kebakaran 2. Unit Integriti</p> <p>1. Bahagian Penyiasatan Kebakaran 2. Bahagian Latihan</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>Setiap tahun</p> <p>Setiap 6 bulan</p> <p>Setiap tahun</p> <p>Setiap tahun</p>
6	<p>Menyalahgunakan kuasa dengan mengadakan Pre-consultation dengan pihak yang tidak berkaitan.</p>	<p>2.1.6.1</p> <p>2.1.6.2</p> <p>2.1.6.3</p>	<p>Mengadakan kajian analisis dan penyeragaman pelaksanaan Undang-undang .</p> <p>Memastikan pelaksanaan pusingan kerja secara mandotori</p> <p>Menghapuskan kegiatan pra-konsultansi dengan pihak yang berurusan dengan Bahagian Keselamatan Kebakaran</p>	<p>Bahagian Keselamatan Kebakaran</p> <p>Cawangan Sumber Manusia</p> <p>Bahagian Keselamatan Kebakaran</p>	<p>Setiap tahun</p> <p>Setiap tahun</p> <p>Setiap 2 tahun</p>



